



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 3/2006

Julai - Sept. 2006/Jamadir Akhir- Ramadhan 1427

www.pkink.gov.my

edaran Percuma

Menarik di dalam



m. surat 3
Tazkirah bulanan
oleh Pengurus
PKINK



m. surat 4
Bicara merdeka
bersama Saifudin
Nasution



m. surat 7
Anggota
pengurusan ikuti
Bengel KPI



m. surat 8
Perbarisan hari
kemerdekaan



m. surat 9
Majlis kesyukuran
pembinaan menara
telekomunikasi



m. surat 11
Kejohanan
Badminton Piala
Kurniaan KDYMM
Al-Sultan Kelantan



m. surat 12
Berita anggota



m. surat 13
Kontrak pemasaran
roselle



m. surat 14
PKINK terima tamu
dari MAMPU



m. surat 15
Kejohanan Piala
Ketua Eksekutif
PKINK 2006

KERAJAAN KELANTAN LANCAR EMAS DINAR KELANTAN

Emas Dinar Sebagai Simpanan, Zakat, Mas Kahwin dan Hadiah

Rabu 27 Syaaban 1427/20 Sept. 2006 - YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat Menteri Besar Kelantan telah merasmikan Majlis Pelancaran Emas Dinar Kelantan, di Perkarangan Hotel Ansar, Jalan Maju, Kota Bharu.

Dalam ucapannya, YAB Menteri Besar membidas negara-negara yang kaya, yang sentiasa menekan negara miskin sehingga menjadi semakin miskin. Sistem mata wang kertas yang tidak lagi berlandaskan emas sebagai sandaran sepenuhnya menjadikan negara besar dan kaya terus bermaharajalela menindas negara-negara kecil supaya tunduk kepada pengaruh dan kuasanya, baik di bidang ekonomi mahupun ketenteraan.

Sebagai umat Islam, kita tidak mempunyai pilihan lain, melainkan kembali kepada sistem kewangan tanpa riba. Dinar dan dirham adalah koin emas dan perak yang



YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat merasmikan pelancaran emas dinar Kelantan

bersambung m.surat 7

MENTERI BESAR LANCAR JUALAN PROJEK PERUMAHAN TAMAN KURNIA JAYA FASA 4B

Projek FASA 4B Mengandungi 102 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Dengan Harga
Jualan Serendah RM93,000 Seunit

YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz B. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan telah merasmikan majlis pelancaran jualan projek perumahan Taman Kurnia Jaya fasa 4B, di tapak projek di Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa, Kota Bharu pada 27 Julai 2006.

Dalam ucapan ringkasnya, YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar menekankan betapa pentingnya pembangunan rohani, di samping pembangunan jasmani. Sesebuah negeri atau negara akan porak peranda jika gagal pembangunan rohani, setiap negara mampu mengadakan pembangunan infrastruktur, tetapi yang bezanya adalah pembangunan rohani.

Terdahulu dari itu, Tuan Haji Wan Yahya Wan



YAB Tuan Guru Menteri Besar Kelantan merasmikan pelancaran jualan perumahan Taman Kurnia Jaya Fasa 4B

Salleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam ucapan alu-aluannya berkata, PKINK melalui syarikat anak melaksanakan projek perumahan berlandaskan kehendak Islam,

bersambung m.surat 16



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN DAN
SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Ramadhan bukanlah hanya sekadar salah satu nama bulan Qamariyah, malah ia mempunyai definisinya yang tersendiri. Bagi individu mukmin, Ramadhan merupakan perpindahan daripada kehidupan kebendaan kepada kehidupan kerohanian. Ia juga diertikan sebagai suatu perpindahan daripada kehidupan yang penuh dengan masalah keduniaan kepada kehidupan yang penuh dengan pembersihan jiwa. Kehidupan di bulan Ramadhan merupakan suatu kehidupan yang penuh dengan berbagai amal kebajikan yang dikenali sebagai bulan puasa, bulan sembahyang, bulan sedekah, bulan iktikaf, bulan doa dimakhsulkan dan sebagainya.

Ramadhan merupakan bulan latihan untuk meningkatkan kualiti peribadi seseorang muslim dengan cara meningkatkan nilai dirinya dihadapan Allah S.W.T. disamping melaksanakan amaliyah-amaliyah positif pada bulan tersebut, samada ianya berbentuk amal ibadat persendirian (*amaliyah ibadah*) atau dalam bentuk amal kemasyarakatan (*amal ijtimai'iyah*).

Puasa adalah merupakan amal ibadah yang penting dalam bulan Ramadhan. Menurut al-Syeikh Muhammad al-Khudri dalam kitabnya *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, puasa merupakan amalan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Dalam mafhum sebuah hadith daripada Siti Aisyah radhiayaAllahuha; masyarakat Quraisy lazimnya berpuasa pada hari *al-Syura*. Pada masa itu Rasulullah sendiri membenarkan berpuasa pada hari tersebut sehinggalah turunnya wahyu yang mewajibkan berpuasa pada bulan Ramadhan, iaitu pada tahun kedua Hijrah.

Dalam tempoh sebulan Ramadhan terdapat satu malam yang paling berkat. Malam tersebut dikenali dengan sebutan Lailatul-Qadar.

Mafhun Firman Allah:

Sesungguhnya Kami menurunkan (al-Quran) pada malam Lailatul-Qadar. Tidakkah engkau diberitahu apakah itu Lailatul-Qadar? Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Para malaikat dan Ruh (Jibrail) turun pada malam tersebut dengan keizinan Tuhan mereka dalam segala urusan.

(Surah al-Qadr, ayat 1-4)

Lantaran ini, digalakkan agar umat Islam bangkit untuk menunaikan qiamuaalail bermula satupertiga malam (selepas solat isyak) sehingga masuk solat suboh. Walaubagaimanapun Allah tidak akan memandang kepada mereka-mereka, apatah lagi mendapat keberkatan Lailatul-Qadar sekiranya;

1. Mereka masih berterusan meminum minuman keras
2. Mereka menderhakai kedua ibu-bapa
3. Mereka memutuskan silaturrahim
4. Mereka tidak bertegur sapa melebihi 3 hari.

Dikesempatan ini pihak pengurusan mengucapkan selamat menghayati bulan Ramadhan dan Selamat Hari Raya Aidilfitri...

SIDANG EDITOR

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh

PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Ahlaami Ab. Halim

Pn. Teh Mariam Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

En. Rosdi Said

En. Mohd Ramli Hamzah

En. Zainul Amin Mat Zin

JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan

www.pkink.gov.my

tel: 09-7414141

fax: 09-7414140

Dicetak oleh:

PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE

Lot 63, Hadapan Wisma Persekutuan

Jalan Bayam


15200 Kota Bharu

Tel: 09-7472313

PROGRAM PERJUMPAAN ANGGOTA DAN TAZKIRAH BULANAN

KELEBIHAN SURAH YAASIN

TAZKIRAH BULAN JULAI DISAMPAIKAN OLEH TUAN HAJI MOHD RAZALI DERAMAN PENGURUS AUDIT & NAZIRAN



Tuan Haji Mohd Razali Deraman dan 84 baris.

Mukjizat yang di turunkan oleh Allah s.w.t kepada RasulNya adalah Al-Quran. Ianya kekal di jaga oleh Allah s.w.t sehingga sekarang yang mana di dalamnya mengandungi Surah Yaasin (Surah Al- Makkiah). Surah Yaasin merupakan intipati tazkirah yang disampaikan oleh Tuan Hj. Mohd Razali Deraman. Surah Yaasin merupakan surah yang ke 36, Juzu' ke 22 & 23 mengandungi 83 ayat, 3 helaian

Intisari Ayat menegaskan kebesaran Al-Quran dan RasulNya berada di jalan yang benar. Memperlihatkan orang-orang yang degil dan tamak haloba dengan harta-harta dan pangkat serta mereka ini tidak akan beriman dan kekal dalam kekhufuran.

Peringatan dan amaran Allah s.w.t dalam Al-Quran adalah memberi kesan kepada orang yang ingin beriman dengan Al-Quran walaupun mereka tidak melihat Allah s.w.t dan azab-azab yang diceritakan di dalam Al-Quran. Diceritakan juga di dalamnya tentang satu golongan pada zaman Nabi Isa a.s.; utusan dihantar kepadanya supaya beriman tetapi mengingkarinya telah mendapat azab. Mereka yang beriman pula mendapat balasan yang sebaik-baiknya.

Allah s.w.t. menegaskan betapa besarnya kekesalan mereka yang ingkar kata Tuhan ;tidakkah kamu melihat umat-umat yang terdahulu yang telah kami binasakan seperti Kaum Luth , Kaum Add , Kaum Samud dan Kaum Firaun. Semua makhluk termaksud kita akan dihimpun pada hari akhirat untuk mendapatkan balasan yang setimpal nanti. Pada hari itu, anggota kita yang menjadi kesaksian.

bersambung m. surat 6

APA ITU KIBIR

TAZKIRAH BULAN OGOS DISAMPAIKAN OLEH TUAN HAJI MD. SANUSI ISMAIL PENGURUS HARTANAH & SUMBER ASLI



Tuan Haji Md. Sanusi Ismail

KIBIR telah diketengahkan dalam tazkirah oleh Tuan Hj. Md. Sanusi Ismail kali ini serta diulas melalui; Apa itu makna Kibir, Tanda-tanda sifat Kibir, Sebab-sebab Kibir, Kesan Sifat Kibir serta Cara-cara Mengatasi Kibir.

KIBIR mengikut istilah bahasa melayu, ertinya sombong atau angkuh. Bahasa moden pula ialah ego. Mengikut syariat Islam – kibir ialah membesarkan diri kerana merasakan diri mempunyai kelebihan diri dan keistimewaan sehingga lupa kepada Allah s.w.t dan menderhakainya. Sifat kibir atau sombong atau ego bermakna membesarkan diri kerana hati merasa diri mempunyai kelebihan, keistimewaan dan kehebatan. Ia merupakan sifat batin yang paling jeji.

Dosa dan kesalahan pertama yang di lakukan makhluk Allah terhadap Allah ialah sifat sombong. Iblis enggan sujud kepada Nabi Adam a.s. kerana sifat sombongnya. Dia merasakan dirinya lebih mulia daripada Nabi Adam a.s. kerana kejadiannya daripada api sedangkan Nabi Adam a.s. dari tanah. Peristiwa kesombongan iblis ini Allah s.w.t ceritakan dalam Al-Quran, firmanNya yang membawa maksud: *“Dan (ingatlah) ketika kami memerintah kepada malaikat : Sujudlah kepada Adam Dia (iblis) enggan dan membesarkan diri. Maka sesungguhnya dia dari golongan musyrik.” (Al Baqarah : 34)*

Di sini Allah menceritakan bagaimana keengganan iblis untuk tunduk dan taat arahan Allah s.w.t. Allah s.w.t mengutuknya dan mengeluarkannya daripada syurga. Dengan menukarnya rupa menjadi buruk. Di sinilah bermulanya dendam kepada Nabi Adam a.s. dan anak cucu cicitnya yang tak pernah padam.

bersambung m. surat 5

KELEBIHAN BULAN SYAABAN

TAZKIRAH BULAN SEPTEMBER DISAMPAIKAN OLEH TUAN BAHARUDDIN HARUN PENGURUS INDUSTRI & IKS

Sekarang kita berada di bulan Nisfu Sya'ban. Bulan sya'ban adalah terletak antara dua bulan iaitu bulan Rejab yang merupakan bulan haram dan bulan Ramadhan yang merupakan bulan mulia dan bulan Al-Quran diturunkan, pembukaan tazkirah oleh Tuan Hj. Baharuddin Harun.



Tuan Haji Baharuddin Harun

Bulan Sya'ban merupakan bulan yang Rasulullah S.A.W memperbanyakkan puasa sunat berbanding dengan bulan-bulan lain. *Usamah bin Zaid* meriwayatkan bahawa beliau telah bertanya kepada Rasulullah: *“ Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa di bulan-bulan lain seperti mana engkau berpuasa di bulan Sya'ban.”* Baginda menjawab, *“ ia adalah bulan yang dilupa oleh*

kebanyakan manusia iaitu bulan antara Rejab dan Ramadhan. Ia merupakan bulan amalan manusia diangkat kepada Tuhan sekalian alam, dan aku suka amalan aku diangkat dalam keadaan aku berpuasa.

Sebagaimana riwayat yang sahih menyatakan bahawa baginda berpuasa pada hari Isnin dan Khamis setiap minggu. Di dalam setengah hadis baginda telah ditanya tentang berpuasa pada hari Isnin dan Khamis, *baginda menjawab: “Pada kedua hari ini amalan hamba dibentangkan kepada Tuhan sekalian alam, dan aku suka amalan aku dibentangkan dalam keadaan aku berpuasa.*

Hari ini adalah 14hb. Sya'ban dan malam ini adalah malam nisfu Sya'ban. Banyak hadith-hadith yang telah menceritakan tentang kelebihan malam nisfu sya'ban. Antara hadith itu adalah sebuah hadith yang telah diriwayatkan oleh *Muaz bin Jabal* yang bermaksud: *“Allah sentiasa melihat ke arah semua makhluknya pada malam nisfu sya'ban lalu mengampunkan semua makhluknya melainkan orang syirik dan orang yang bermusuhan.”*

bersambung m. surat 6

Hayati Kemerdekaan Dalam Erti Kata Sebenar – Saifudin Nasution

Kota Bharu, 30 Ogos 2006 – Kumpulan PKINK turut sama dalam menghayati kemerdekaan negara yang ke-49 melalui Program Bicara Merdeka yang diadakan pada 30 Ogos bertempat di Dewan Bunga Tanjung Hotel Perdana. Program Bicara Merdeka yang julung kali diadakan oleh PKINK adalah program khusus bagi memberi pendedahan dan penghayatan kepada setiap anggota PKINK mengenai sejarah kemerdekaan negara. Di samping acara tahunan seperti perbarisan hari kemerdekaan, program bicara merdeka ini lebih kepada program 'luncheon talk' untuk semua anggota PKINK.

Pensyarah undangan yang dimenyampaikan syarahan bicara merdeka ialah Saudara Saifudin Nasution b. Ismail, Pengurus Tabung Amanah Tok Kenali, Kerajaan Negeri Kelantan. Antara peserta yang turut diundang khas oleh PKINK bagi menjayakan program Bicara Merdeka

ialah NGO-NGO seperti Yayasan Amal Malaysia, Pupuk Nilai Murni Berhad, Gabungan Profesional Kelantan, Markaz Siswazah Kelantan dan Persatuan Pekerja Islam Kelantan.

Sementara itu, Saifudin dalam syarahannya telah menyentuh mengenai makna penjajahan dan makna kemerdekaan yang sebenar. Di samping itu, dalam konteks negeri Kelantan, beliau banyak menyentuh mengenai peranan yang dimainkan oleh pejuang kemerdekaan iaitu Tok Janggut yang berjuang menentang kezaliman penjajah Inggeris bermula di bumi Pasir Puteh. Di samping tidak lupa kepada pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak

Antara lain, Saudara Saifudin juga menjelaskan bahawa kemerdekaan sebenarnya adalah satu rahmat. Oleh yang demikian, menjadi kewajipan kita



Saudara Saifudin Nasution

sebagai rakyat dalam mensyukuri nikmat kemerdekaan melalui usaha-usaha berikut:

- Membebaskan diri daripada penyembahan kepada sesama manusia
- Membebaskan diri daripada pemikiran yang salah seperti memisahkan agama dengan urusan dunia
- Membebaskan diri daripada amalan rasuah, pecah amanah dan penipuan dalam pentadbiran

Tambah beliau lagi, penghayatan kemerdekaan boleh dilaksanakan melalui perkara-perkara berikut seperti:

- Mempertahankan kemerdekaan
- Menjamin keadilan kekayaan negara
- Menghayati agama
- Memperteguh pendidikan
- Memupuk perpaduan
- Membina kekuatan ekonomi

Program Bicara Merdeka diakhiri dengan tayangan video 'Palestin Menangis' dan majlis jamuan makan tengahari.



Anggota Kumpulan PKINK dan NGO-NGO jemputan

Anggota Pengurusan PKINK Ikuti Bengkel Key Performance Indicator (KPI).

Kota Bharu, 27 Ogos – PKINK telah mengadakan Bengkel KPI selama 2 hari bermula 27 Ogos hingga 28 Ogos 2006 khusus untuk semua anggota Pengurusan kumpulan PKINK. Anggota pengurusan yang terlibat terdiri dari semua anggota Kumpulan A Perbadanan, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak dan Pegawai-Pegawai Syarikat Anak Kumpulan PKINK.

Bengkel KPI ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua anggota pengurusan kumpulan PKINK mengenai kaedah pengukuran prestasi organisasi dan individu dalam kumpulan PKINK. Bengkel ini juga diharap dapat membina satu petunjuk prestasi bagi setiap peringkat atau bahagian dalam kumpulan PKINK. Selain itu, PKINK berharap agar menerusi bengkel ini, semua anggota pengurusan mendapat



Tuan Haji Wan Adnan,
Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK

APA ITU KIBIR

Diantara ayat Al Quran yang sangat melarang kita memakai sifat kibir ialah :

Surah Al Mukmin , ayat 60 bermaksud : “sesungguhnya orang-orang yang menyombong diri daripada menyembahku akan masuk keneraka jahanam dalam keadaan hina dina.”

Surah Al Israk , ayat 37 bermaksud : “Janganlah kamu berjalan dengan menyombong diri kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembusi bumi dan ketinggian kamu tidak akan melepasi gunung .”

Surah An Nahl, ayat 23 : “ Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong ”.

TANDA-TANDA SIFAT SOMBONG dapat dikesan melalui pergaulan sesama manusia iaitu sama ada sombong keterlaluan, sederhana atau ringan. Terdapat 26 tanda – tanda sifat sombong iaitu :

1. Payah menerima pandangan orang lain sekalipun hatinya merasakan pandangan orang lain itu lebih baik daripadanya.
2. Mudah marah – bila berlaku perbincangan dua hala, cepat naik darah kalau ada tersilap
3. Memilih kawan – Suka berkawan dengan sama taraf sahaja
4. Bahkan dengan orang sama taraf dengannya masih dipilih-pilih lagi, yakni ia suka orang yang mahu dengar katanya.
5. Memandang hina kepada golongan bawahan.
6. Dalam perbincangan, dia suka meninggikan suara atau menguatkan suara lebih daripada yang diperlukan.
7. Dalam pergaulan, ia suka kata-katanya didengari, diambil perhatian dan diikuti. Sebaliknya dia sendiri susah hendak dengar cakap orang lain.
8. Dalam pergaulan, dia saja bercakap. Kalau ada orang lain bercakap, dia suka memotong percakapan orang lain.
9. Kalau dia jadi pemimpin, dia memimpin dengan kasar dan keras terhadap pengikutnya dan orang bawahannya.
10. Susah memberikan kemaafan kepada orang lain yang tersilap dengannya.
11. Kalau dia yang bersalah, susah hendak minta maaf.
12. Dia suka dihormati.
13. Suka menzalimi orang sama ada secara halus atau kasar.
14. Kurang bermesra dengan orang kecuali terpaksa kerana memerlukan orang itu.
15. Suka memperkatakan keburukan orang seperti mengumpat, memfitnah, serta membenci orang.
16. Kurang menghormati pemberian orang
17. Suka mencerita kelebihan diri
18. Suka menghina dan menjatuhkan air muka orang di hadapan orang lain.
19. Kurang menikmati nikmat Allah s.w.t. kalau ada, dibazirkan.
20. Kalau berdiri lebih suka bercekek pinggang. Kalau bercakap menepuk-nepuk meja.
21. Kurang memberi simpati orang lain kecuali dengan tujuan sebaliknya.
22. Kurang minat menerima tetamu atau tidak suka menjadi tetamu orang.
23. Tidak suka menyebut kelebihan orang lain kerana takut mencabar dirinya.
24. Kesalahan-kesalahan orang lain dibesar-besarkan sedangkan kesalahan diri sendiri ditiadakan.
25. Sangat tidak senang dengan kejayaan orang lain.
26. Dia sangat tersinggung kalau orang sebut kelebihan orang lain didepannya. Tetapi kalau dia dipuji , dia berasa bangga dan senang hati.

SEBAB – SEBAB SOMBONG itu dimiliki seseorang apabila:

- i. Memiliki kuasa sama ada kuasa besar ataupun kecil.
- ii. Mempunyai pengetahuan sama ada dunia atau akhirat.
- iii. Mempunyai harta kekayaan
- iv. Mempunyai kegagahan iaitu kekuatan fizikal atau kepandaian dalam ilmu
- v. Keturunan. Ada sombong kerana keturunan bangsawan , keturunan ulama dll.
- vi. Berwajah tampan, cantik, disayangi oleh bos, dll.
- vii. Bukan sebab di atas tapi mungkin dia seorang miskin, jahil, cacat dan lemah sedangkan dia tetap sombong.

KESAN SIFAT SOMBONG ke atas seseorang itu:

- * Orang benci kepadanya. Fitrah semulajadi manusia tidak suka kepada orang yang bersifat sombong.
- * Mudah marah di mana kebiasaannya kemarahan akan berakhir dengan perbalahan.
- * Bila wujud sifat sombong, akan lahir pula penyakit mudah berendam, hasad dengki dan mudah bertindak balas di atas kesilapan orang lain.

Kesombongan sangat membahayakan masyarakat manusia dan dunia seluruhnya. Lantaran itu, Allah s.w.t sangat murka dan akan menempatkan mereka ini di neraka bersama Firaun, Namrud, Hamman dan lain-lain yang angkuh dan zalim.

CARA-CARA ATASI KESOMBONGAN: Memandangkan betapa bahayanya penyakit hati ini maka usaha-usaha mesti dibuat untuk membendungnya. Beberapa panduan dan kaedah bagi mengikis buang dan mengubatinya :

- * Ada ilmu tentang sifat-sifat mazmumah – Perlunya ilmu kerana ia merupakan sifat batiniah payah dikesan tetapi mudah dikesan orang lain.
- * Bawa berfikir tentang kejadian manusia – Sedarkan bahawa kejadian manusia adalah sama. Yakni daripada tanah dan mati kembali ke tanah semula. Walaubagaimana hebat sekalipun orang itu, kejadian sama dengan orang lain.
- * Fikirkan dan sedarkan hati kita bahawa kejadian manusia yang kedua adalah daripada air mani – Ertinya kejadian manusia itu tiada bezanya antara satu dengan yang lain sama ada kaya, berilmu, pembesar dll.
- * Melihat respon orang lain terhadap kita – Dalam pergaulan hidup dapat kesan respon orang lain kepada kita.
- * Ambil iktibar daripada pengalaman hidup – Apabila ada kelebihan, keistimewaan dan kehebatan bolehkah kita bersikap sombong? Apakah kita berkuasa mengelakkan diri daripada sakit? Apakah kita mampu melawan kuasa tentera Allah? Apakah kita mampu melawan kematian? Jawabnya tentu tidak. Kalau begitu kenapa kita merasakan diri kita lebih dari orang lain.
- * Ingat azab Allah untuk sombong – Ingat dihati bahawa sifat sombong sangat dimurkai Allah s.w.t. Akibatnya, kita dicampakkan ke dalam neraka yang panas apinya 70 kali ganda api dunia dan dalamnya 70 ribu tahun perjalanannya baru sampai ke dasarnya.
- * Ingatlah neraka yang keseluruhannya api- di atasnya, di bawahnya, di kanan dan kirinya adalah api yang memakan dan menghanguskan daging-daging dan tulang belulang manusia. Kemudian diganti dengan tubuh yang baru dan disiksa lagi. Begitulah berulang-rulang sepanjang masa.
- * Walhal, di waktu kita dibelenggu kaki dan tangan serta dicemeti berterusan oleh malaikat Zabaniah, bau neraka yang busuk tak dapat digambarkan. Kalau ditakdirkan bau itu dicium penduduk dunia akan matilah semua lantaran busuknya.

Perkara di atas perlu difikirkan dan direnungkan serta diingatkan selalu dalam hati agar tidak lupa. Kesannya diharap akan menakutkan untuk kita bersikap sombong atau ego. Harapan kita moga-moga Allah sentiasa memimpin kita agar menjadi hamba yang sentiasa merendahkan diri.

sambungan dari m. surat 3

KELEBIHAN SURAH YAASIN

Allah s.w.t memperlihatkan kekuasaannya:

- i. Bumi yang mati dihidupkan dengan tanaman-tanaman yang subur.
- ii. Binatang-binatang berpasang-pasangan.
- iii. Bulan , bintang , matahari beredar pada tempat yang ditetapkan. Siang dan malam silih berganti.

Pada akhir surah, Allah s.w.t memperlihatkan akan kekuasaannya, dengan berfirman kepada hakikat sesuatu itu, jadilah engkau – maka jadilah ia.

KELEBIHAN SURAH YAASIN

- * Hadrat Ata Ibn Abi Ribah berkata , Rasulullah s.a.w. telah bersabda *“Siapa yang membaca surah Yaasin di permulaan hari, segala hajatnya bagi hari itu akan dipenuhi.”*
- * Segala sesuatu mempunyai hati,dan hati bagi Al Quran ialah surah Yaasin. Barang siapa yang membaca surah Yaasin, Allah s.w.t. akan menulis pahala baginya seumpama ia membaca seluruh Al Quran sebanyak 10 kali.

- * Allah s.w.t. membaca surah Yaasin dan surah Taha seribu tahun lamanya sebelum terciptanya langit dan bumi. Para malaikat berkata “Ummat dimana Al Quran di turunkan akan dirahmati hati-hati yang memikulnya, yakni yang menghafalnya akan dirahmati dan lidah-lidah yang membacanya akan juga dirahmati.”
- * Sesiapa yang membaca surah Yaasin semata-mata kerana Allah s.w.t. segala dosa-dosanya yang dahulu akan diampunkan. Jadikan sebagai amalan untuk dibaca ke atas orang-orang mati.
- * Surah Yaasin di namakan Mun'mah (pemberi berita baik) di dalam Torah kerana ia mengandungi manfaat kepada pembacanya, di dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat.
- * Ia menghindarkan penderitaan di dunia dan juga di akhirat dan menjauhkan kedasyatan di kehidupan akhirat.
- * Ia juga dikenali sebagai Rafi'ah Khafidah iaitu mengangkat darjat orang-orang yang ingkar (tidak beriman). Rasulullah s.a.w. bersabda , *“Hatiku menghendaki supaya surah Yaasin berada di setiap hati umatku.”*

- * Jika surah Yaasin dibaca pada setiap malam dan kemudiannya meninggal dunia, ia akan mati sebagai mati syahid.
- * Diriwatkan dalam hadis lain, *“Barang siapa yang membaca surah Yaasin akan diampunkan, sesiapa sahaja yang membacanya semasa kelaparan, akan dihilangkan kelaparannya itu, barangsiapa yang membacanya dikala sesat jalan, akan menjumpai jalan semula, barang siapa membacanya kerana kehilangan binatang akan mendapatkannya semula, bila seseorang itu membacanya kerana bimbang kekurangan makanannya, makanan itu akan mencukupi, jika ia dibaca kepada orang yang menghadapi penderitaan maut, akan dimudahkan baginya dan jika dibaca ke atas perempuan yang sukar untuk melahirkan anak, akan dimudahkan bagi bayinya.”*
- * Maqri Rahmatullah Alaihi berkata, *“Jika surah Yaasin dibaca oleh seseorang yang takutkan pemerintah atau musuh, ia akan dihilangkan dari ketakutan itu.”*
- * Menurut hadis yang lain, jika membaca surah Yaasin dan surah Was-Saffat pada hari jumaat dan memohon kepada kepada Allah s.w.t sesuatu,doanya akan diterima.

sambungan dari m. surat 3

Kelebihan Bulan Syaaban

Allah s.w.t sentiasa memerhatikan makhluknya dengan pandangan yang lembut dan disertai dengan keampunan. Akan tetapi pemerhatian pada malam ini adalah pemerhatian yang disertai dengan belas kasihan dan keampunan serta perhatian yang istimewa. Tentang dosa syirik Allah telah menjelaskan pada ayatNya yang bermaksud *“Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mensyirikkanNya dengan sesuatu dan dia akan mengampunkan dosa selain dari perbuatan syirik bagi sesiapa yang dikehendakiNya.”* (AN NISA' 4:116)

Manakala orang yang mempunyai permusuhan, perkelahian, memutuskan tali persaudaraan adalah terhalang dari mendapat keampunan. Allah akan menanggukkan keampunan dari kedua orang yang bermusuhan itu sehinggalah mereka berbaik-baik semula.Pintu keampunan Allah juga tertutup bagi mereka yang mengotorkan hati mereka dengan perasaan dengki. Mereka adalah merupakan orang yang tidak berdoa dengan doa *“Wahai Tuhan kami ampunkanlah kami dan saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dengan keimanan dan janganlah Engkau jadikan di dalam hati kami rasa*

dengki terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasihani.”
(AL HASYAR 59:10)

Seperkara lagi yang dikaitkan dengan malam nisfu sya'ban ini adalah satu peristiwa yang berlaku dalam tahun kedua Hijrah iaitu peralihan kiblat dari Baitul Maqdis ke Masjidil Haram. Baginda Rasulullah telah mengimpikan dalam dirinya supaya dia dapat mengadap ke arah kiblat bapanya Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismai a.sl yang telah membina rumah Allah s.w. itu. Dan Nabi Muhammad S.A.W adalah pewaris dan pengikut agama Nabi Ibrahim a.s. Allah s.w.t telah menunaikan apa yang di kehendaki oleh baginda. Allah s.w.t telah menurunkan firmanNya yang bermaksud *“Kami telah melihat muka engkau terngadap ke langit, maka kami palingkan engkau ke arah kiblat yang engkau suka.....”*
(AL BAQARAH 2:144)

Peristiwa pertukaran arah kiblat ini adalah juga merupakan salah satu rahsia ujian Allah terhadap manusia sebagaimana firmanNya yang bermaksud *“ Dan kami tidak meniadkan*

(kamu mengadap) ke arah kiblat yang kau hadapkan muka hari ini melainkan Kami ingin tahu siapakah yang mengikut Rasul dan siapa pula yang berpaling tadah tidak mengikutnya.”

(AL BAQARAH 2:143)

Antara amalan-amalan di malam nisfu sya'ban ialah bacaan surah yasin,istiqarah,sembahyang malam, berselawat dan amalan lain yang dilakukan ikhlas kerana Allah s.w.t.

Akhirnya samalah kita mengambil pengajaran malam nisfu sya'ban di mana Allah s.w.t mengampunkan dosa setiap hambaNya yang tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu yang lain dan kecuali seorang ada permusuhan dengan saudaranya yang lain.

Dalam sebuah hadith yang diriwatkan oleh Ibnu Majah dan Ibnu Hibban dan sahahnya ada dinyatakan : *Tiga golongan yang sembahyang mereka tidak akan diangkat walaupun sekadar sejengkal iaitu lelaki yang mengimankan sembahyang satu kaum sedangkan mereka tidak menyukainya, perempuan yang suaminya tidur dalam keadaan marah kepadanya dan dua orang saudara yang bermusuhan antara satu sama lain.*

sambungan dari m. surat 1

Majlis Pelancaran Emas Dinar Kelantan

digunakan sebagai mata wang oleh Nabi Besar kita Muhammad SAW di zaman kegemilangan Islam di Mekah dan Madinah sebelum jatuhnya Khalifah Othmaniah pada tahun 1917. Selepas itu, penggunaan dinar dan dirham telah dihapuskan dan digantikan dengan sistem mata wang sebagaimana yang menjadi amalan keseluruhan negara di dunia.

Idea untuk memperkenalkan semula Dinar-Dirham di dalam ekonomi telah rancak dibincangkan pada peringkat antarabangsa dan nasional. Di Malaysia ianya mula dibincang dengan meluas setelah Perdana Menteri memberi cadangan agar negara-negara OIC mengguna pakai Dinar untuk urusniaga (awal tahun 2004).

Kelantan telah mengambil langkah proaktif di mana Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi dan Kewangan telah mempengerusikan satu mesyuarat yang terdiri dari EXCO Kerajaan Negeri, Pakar-Pakar Ekonomi/Dinar Dirham, Wakil-Wakil Bank pada 12 Mei 2006 bagi membincangkan perkara ini. Satu keputusan telah dibuat di mana PKINK melalui anak syarikatnya, Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah dilantik

sebagai urusetia bagi mengkaji kemungkinan untuk mengeluarkan Dinar bagi negeri Kelantan.

Di Kelantan sendiri, pengenalan kepingan emas berukuran piawai ini pernah diperkenalkan seawal 377 Hijrah lagi dengan nama Julus Al-Kelantan. Oleh itu, Dinar Kelantan dalam konteks ini, bukanlah idea baru malah ia adalah pengenalan semula untuk mengambil tempatnya yang wajar dalam masyarakat kita.

Satu Seminar Dinar Dirham, Penggunaan Dinar Dirham-Maqasid Syariah & Realiti Masa kini telah diadakan dan dirasmikan oleh YB Dato' Haji Husam b. Hj. Musa, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam Perancangan Ekonomi Kewangan & Pembangunan Masyarakat Kelantan, merangkap Pengerusi Emas Dinar Kelantan pada sebelah paginya bertempat di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana, Kota Bharu,

Seminar tersebut bertujuan untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai keupayaan penggunaan mata wang bersandarkan emas dalam penyelesaian masalah ummah

dan sebagai wadah kepada pemangkin ekonomi berasaskan Islam. Seramai 500 peserta telah menghadiri seminar ini, yang berobjektif antara lainnya:

- * Mendedahkan peserta kepada peradaban dan sejarah penggunaan dinar dirham;
- * Memberi kefahaman mengenai konsep dinar dirham;
- * Mempelopori penggunaan dinar sebagai simpanan, mas kahwin, zakat dan hadiah; dan
- * Memberi kesedaran dan keyakinan penggunaan dinar dirham sebagai alternatif kepada sistem mata wang "fiat money"

bersambung m. surat 8



Ketua Eksekutif PKINK menyematkan pin emas dinar Kelantan di baju YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat

sambungan dari m. surat 4

Anggota Pengurusan PKINK Ikuti Bengkel Key Performance Indicator (KPI).

gambaran yang jelas mengenai kaedah-kaedah analisis kerja yang betul, mengenal pasti 'Key Result Areas' (KRAs) dan mengetahui maksud sebenar prestasi dan kejayaan mengikut kacamata organisasi. Bengkel ini juga diharap dapat membantu pihak pengurusan PKINK dalam mengaplikasikan penggunaan KPI secara berkesan dalam menilai prestasi

individu pekerja dan organisasi kumpulan PKINK.

Bengkel KPI ini telah dikendalikan oleh Kolej Teknologi Darul Naim (KTD) dengan kerjasama Academy of Skill Training and ICT Management. Majlis penutup bengkel telah disempurnakan oleh Ketua Ekektif Kumpulan PKINK, Hj. Wan Yahya Wan Salleh.



Sebahagian peserta pada Bengkel KPI

Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu; para penjaganya malaikat-malaikat yang kasar lagi keras. Mereka tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.

(Surah al-Tahrim, ayat 6)


sambungan dari m. surat 7

Majlis Pelancaran Emas Dinar Kelantan

Antara yang hadir ke seminar tersebut ialah ahli-ahli politik, pegawai tinggi kerajaan dan swasta, golongan korporat dan profesional serta masyarakat Kelantan.

Penceramah jemputan ialah:

1. Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera berkelulusan Ph.D dari University of North Texas 1996 membentangkan kertas bertajuk **Mengapa Dinar Emas Sejajar Dengan Maqasid Al-Syariah** Beliau merupakan pengarang buku "The Islamic Gold Dinar" dan "The Theft of Nations" serta bekas Dekan Pusat Pengajian Siswazah UIA.
2. Hajjah Nik Mahani Mohamad, anak kelahiran Kelantan ini berkelulusan Akauntansi dari London School dan mendapat Fellowship Association of Certified & Chartered Accountant dari UK. Pernah memegang beberapa jawatan penting di institusi kewangan, dan sekarang sebagai Pengurus Kanan Pengurusan Projek di Bank Pembangunan (M) Bhd. Kertas yang dibentangkan bertajuk **Dinar Pemangkin Wadah Islamf**
3. Dr. Rosli Yaacob berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi dari University of Wisconsin, Amerika Syarikat. Pernah bertugas di Bank Negara, dan juga dengan kumpulan Abrar Group.



Antara yang hadir ke seminar dan pelancaran dinar emas Kelantan

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat berasaskan kewangan syariah dan menjadi Pengarah Urusan Golden Pjaros Berhad. Kini beliau menguruskan perniagaan sendiri. Kertas yang dibentangkan bertajuk **Aspek Pengawalan Sistem Mata wang Dinarf**



Emas Dinar Kelantan ditempa mengikut piawaian Khalifah Umar Al-Khattab r.a. seberat 1.06 gram, 2.12 gram dan 4.25 gram dengan ketulenan emas 9.17%

Pusat Edaran Emas Dinar Kelantan.

A-Rahn
Tingkat Bawah, Bangunan Hotel Ansar
Jalan Maju, Kota Bharu.
Sebarang urusan sila hubungi:
09 - 7414322



YB Dato' Haji Husam Musa merasmikan Seminar Dinar Emas Kelantan

PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN

PKINK NAIB JOHAN ACARA PERBARISAN & PERARAKAN HARI KEMERDEKAAN KE 49

PKINK muncul naib johan dalam acara perbarisan dan perarakan Hari Kemerdekaan ke 49 pada 31 Ogos 2006, di Stadium Sultan Muhd IV. Ini adalah kali kedua berturut-turut PKINK meraih tempat kedua dalam kategori Badan Berkanun Negeri/Penguasa Tempatan, peringkat negeri Kelantan. Tahun lalu, PKINK mendapat tempat yang sama, manakala Johan masih diungguli oleh Yayasan Islam Kelantan.

Kejayaan ini diperolehi hasil latihan kawad selama sebulan di bawah jurulatih

Che Mud dari Pusat Perubatan An-Nisa serta semangat yang tinggi dari ahli-ahli kontinjen. Tahun ini PKINK masih mengekalkan pakaian Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok, serta dihiasi selempang Keranamu Malaysia.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan seni silat. Hadiah disampaikan oleh YB Dato' Hj. Ahmad Hj. Yaacob, Timbalan Menteri Besar Kelantan.



Ketua kontinjen PKINK menerima hadiah



Para peserta bersiap sedia untuk memulakan perbarisan




Kontinjen PKINK berbarbar bersama Ketua Eksekutif PKINK

MAJLIS KESYUKURAN DAN PENYERAHAN KUNCI PROGRAM TIME 2A DAN PELANCARAN PROGRAM TIME 2B MENARA TELEKOMUNIKASI

20 Julai 2006, YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Hj. Nik Mat Menteri Besar Kelantan telah merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Program Time 2A dan Pelancaran Program Time 2B di Batu Mengkebang, Kuala Krai.

Majlis kesyukuran tersebut bermula jam 1.30 petang dengan ketibaan orang-orang kampung dan dif-dif jemputan. Para jemputan dan orang-orang kampung disajikan dengan jamuan makan tengahari. Selain itu juga pihak Celcom, Maxis dan juga DIGI telah membuka kaunter masing-masing dengan menawarkan beberapa pakej istimewa untuk mereka yang berminat.

Ketibaan YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz disambut dengan pesembahan pancat silat dan tomoi oleh penduduk setempat. Dalam ucapan ringkasnya, YAB Tuan Guru memesang kepada para jemputan, kemudahan yang disediakan untuk penduduk setempat itu janganlah disalah gunakan. Alat telekomunikasi itu sepatutnya digunakan untuk kebaikan, bukannya untuk tujuan-tujuan jahat, dengan kata lainnya, perhubungan itu boleh digunakan untuk berhubung antara satu sama lain untuk tujuan yang berfaedah, tetapi dalam masa yang sama alat itu juga digunakan untuk kerja-kerja yang tidak mendatangkan faedah dan kemudaratan kepada pengguna dan orang ramai. Dengan talian itu orang ramai boleh menghubungi polis sekiranya berlaku kecurian, tetapi boleh juga digunakan untuk memaklumkan tentang kehadiran polis. Oleh itu, pembangunan rohani adalah amat penting di dalam menyaingi pembangunan jasmani.




Ketua Eksekutif PKINK menyatakan sesuatu kepada YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz, sambil menyaksikan pesembahan silat oleh penduduk setempat

Infra Quest Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 23hb Januari 1997 telah mendapat kepercayaan daripada Kerajaan Negeri Kelantan apabila diberi konsesi untuk membuat 'Common Trenching' dan hak pembinaan 'Common Tower' di Negeri Kelantan. IQSB juga dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai badan penyelaras yang berkhidmat untuk menguruskan perancangan, pelaksanaan dan penyelenggaraan infrastruktur-infrastruktur telekomunikasi di Negeri Kelantan atau lebih dikenali sebagai 'One Stop Agency' (OSA) yang bermula pada


2hb. Oktober 2003. Sehingga kini, semua menara telekomunikasi yang telah dibina sebelum tahun 2004 telahpun diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

IQSB berperanan besar sebagai perunding (konsultan) kepada Celcom (M) Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd, Telekom Malaysia Berhad dan juga perunding bagi kerja-kerja dalam kumpulan Permodalan Kelantan Berhad.

Kini IQSB telah memasuki era baru di dalam operasinya di mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah meluluskan lesen 'Network Facilities Provider' (NFP) kepada IQSB selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan supaya seluruh negara mendapat liputan penuh pada tahun 2005 dan 2006. Sehingga kini 60 buah menara (Fasa 1 Time 2A) telahpun dibina bagi tujuan tersebut. Manakala lebih banyak lagi menara akan dibina untuk mendapat liputan 100% bagi Negeri Kelantan.



Antara hadirin yang hadir



Kaunter-kaunter Celcom, Maxis dan Digi yang dibuka pada majlis kesyukuran tersebut

Bila Anda

BERHENTI MEROKOK

SELEPAS 20 MINIT
tekanan darah kembali ke tahap normal

SELEPAS 24 JAM
karbon monoksida akan terhapus dari tubuh dan anda akan kurang berasa penat

SELEPAS 21 MINGGU
peredaran darah dalam tubuh semakin lancar

SELEPAS SETAHUN
risiko serangan jantung berkurang kepada separuh

SELEPAS 10 TAHUN
risiko kanser paru-paru berkurang separuh

SELEPAS 15 TAHUN
tahap kesihatan anda akan kembali sama seperti dengan mereka yang tidak merokok.

Keputusan untuk berhenti merokok adalah satu perubahan yang besar dan apabila anda berhenti, barulah anda menyedari betapa seronoknya menjadi bukan perokok.


Salah satu faedah yang nyata ialah penjimatan wang. Anda mungkin boleh membeli barangan istimewa kegemaran anda sebagai penghargaan untuk diri sendiri, ataupun menabung untuk kegunaan jangka panjang kerana berhenti merokok.

Faedah yang terpenting adalah tahap kesihatan dalam jangkamasa pendek dan panjang. Contohnya sekiranya anda merokok dalam jangkamasa pendek, anda akan selalu berperasaan kurang sihat atau lemah badan. Dalam jangkamasa panjang pula anda akan terdedah kepada pelbagai penyakit seperti penyakit jantung dan kanser paru-paru.

Faedah yang tidak kurang pentingnya ialah tanggungjawab terhadap masyarakat dan keluarga di rumah dan pejabat. Pakaian dan pernafasan anda juga tidak lagi berbau.

Illegal Operation... Apa & Bagaimana?

'Illegal Operation' adalah operasi yang dipohon untuk dilaksanakan samada oleh Sistem Pengoperasian ataupun CPU yang tidak di fahami dengan itu ianya dikategorikan sebagai 'Illegal'. Gunakan aliran dibawah sebagai panduan kaedah penyelesaian:



Tip-tip berguna

Ikuti teknik berikut untuk memperbaiki peluang anda berhenti merokok:

- * Pilih hari yang sesuai sebagai hari berhenti merokok atau "quit day". Ia seharusnya satu hari yang kurang sibuk dan kurang tekanan
- * Musnahkan semua rokok yang ada di rumah dan pejabat pada "quit day"
- * Lakukan sesuatu yang anda sukai pada "quit day" dan sibutkan diri supaya anda boleh melupakan rokok.
- * Dapatkan tidur yang cukup untuk mengelakkan kelesuan. Sentiasa mengingatkan diri "saya tidak akan merokok pada hari ini"
- * Pastikan sebab untuk anda berhenti. Cuba kira berapakah wang yang boleh di jimatkan. Apakah yang boleh dibeli sekiranya dikumpul dalam setahun.
- * Lakukan senaman ringan bagi mengelakkan peningkatan berat badan dan badan anda juga akan lebih sihat.
- * Belajar teknik berehat yang betul
- * Jika tidak berjaya pada kali yang pertama, cuba lagi. Perokok yang berjaya berhenti adalah mereka yang sentiasa berusaha.

Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

PROGRAM USAHAWAN MUDA

nukilan: **Bobby R.H**

Satu nama penggerak diri
 Agar bangkit dari ulitan mimpi
 Mencari realiti berjuta erti
 Megah mempamir identiti diri
 Membentuk peribadi berkualiti
 Mencapai semangat berdikari
 Menyemai membaja nilai-nilai murni
 Menyubur impian ibu pertiwi
 Demi bangsa dan bumi bertuah ini
 Sesungguhnya.....
 Mencapai kecemerlangan bukanlah
 igauan disiang hari.

Di atas nama kesedaran
 Dalam mencari gemilang dan terbilang
 Marilah...marilah.....marilah....
 Kita gandingkan semangat juang
 Kerana dihadapan jalan
 sudah pun luas terbentang
 Kegagalan silam adalah perangsang
 Agar kita lebih lebih yakin
 Untuk bermula kembali
 dengan lebih terancang
 Hargailah setiap peluang yang datang.

Duhai teman , duhai anak-anak ku
 Lemparlah dikejauhan segala rasa malu
 Kikiskan jua segala rasa jemu
 Rendah diri jangan sekali-kali
 kerananya kita akan terbelenggu
 Jauhi bersyukur sebelum berusaha
 Sehingga kita ketemui apa yang
 kita mahu

Duhai teman , duhai anak-anak ku
 Sesungguhnya hidup ini
 adalah anugerah
 Namun.....
 Jalan dan ranjauanya penuh berliku
 Kerana hidup ini juga adalah perjuangan
 Hidup juga membutuhkan pengorbanan
 Usah bijak mencipta alasan
 Gentarkan kegagalan
 Kerana.....selagi ada kemahuan
 Pasti....pasti...pasti...ada jalan.

Nyata dan sebegitu nyata kepada kita
 Hanya mereka yang cekal
 Hanya mereka yang tidak pernah
 mengenal erti putus asa
 Akan terus gah berusaha
 Memburu cita menggapai sejahtera
 Mengecap nikmat bahagia
 Dengan penuh rasa syukur
 dan sentiasa redha

Duhai teman , duhai anak-anak ku
 Tika dan waktu tidak pernah menipu kita
 Sesungguhnya.....
 Kini tibalah masanya
 Kita teruskan perjuangan bersama
 kehidupan yang tersisa
 Memerdekan bangsa yang terjajah
 dek terleka
 Bukan sekadar berpada dengan apa yang ada
 Sesungguhnya masa tidak pernah
 menunggu kita
 Dan yakinlah kita peluang pertama
 lebih baik daripada peluang kedua
 Usah menunggu lama sampai
 kita tersungkur lena
 Kerana matlamat kita akan hilang
 terkubur kemana.

Duhai teman , duhai anak-anak ku
 penyambung warisan bunda
 Kini tiba masanya
 Kita teruskan langkah perjuangan demi
 moyang tercinta
 Tibalah masanya kita bangkit dari lena
 Memertabatkan bangsa, berilmu berhati waja
 Memertabatkan bangsa usahawan bertaqwa
 Bersyukur pada yang Esa
 Maha kuasa penentu segala

Duhai teman , duhai anak-anak ku
 penyambung warisan bunda
 Semat dan sebatikan dijiwa
 Berpaksi yakin dan penuh percaya
 Andai orang lain mampu menapak
 mampu berjaya
 Kenapa tidak kita ?!!!!....
 Apa kurangnya ?!!!!....
 Kerana laluan adalah sama
 dan tetap sama
 Sesungguhnya jalan dan laluan
 ke puncak jaya

Sentiasa dalam proses pembina
 Tiada tarikh keramat tanda ianya sempurna
 Kerana kejayaan yang kita cari...
 Tiada titik noktah dan
 tiada penghujungnya.

Hari ini...
 Jika benar kita berimpian
 Genggamlah ia ..sekalipun
 hangus membakar tangan
 Namun melepaskannya jangan !!!..
 kita tak hendak kempunan

Wahai ayahanda...duhai bonda
 Wahai guru-guru pemikul amanat bangsa
 Fahamilah erti kasih sayang
 Selamilah erti sebuah pengorbanan
 Tiada yang lebih istimewa dan paling
 istimewa selain kejayaan
 Kejayaan milik kita pejuang
 penyambung warisan

Wahai ayahanda...duhai bonda...
 duhai guru-guru
 Duhai anak-anak pewaris nusa
 Dalam gah , dalam ghairah mengejar cita
 Memburu jaya...
 Jangan alpa janganlah terleka
 Pada yang Esa penentu segala
 Panjatkan rasa syukur penuh hamba
 Lampirkan doa kudus penuh redha
 Semoga limpah kurnia dan
 keberkatanNya berterusan jua
 Sesungguhnya kita mencari kehidupan
 yang sejahtera dan bahagia

Kinibiarlah waktu berputar
 seligat mahunya
 Yang pasti kita perlu yakini diri
 Selagi hayat masih ada ...
 Selagi perjalanan belum sampai
 ke penghujungnya
 Perjuangan kita tak kan terhenti begitu saja
 Hanya di sini...di persimpangan ini..
 Kita yang pilih tuju dan hala
 Pasti!!!!!!pasti!!!!kita akan kesana jua
 Bersama menuju ke puncak jaya.

***'Bumiputera Bertindak ,
 Bumiputera Manapak , Memburu
 Cita , Meraih Jaya '***

KEJOHANAN BADMINTON PIALA KURNIAAN KDYMM AL-SULTAN KELANTAN DAN PIALA KURNIA DYMM RAJA PEREMPUAN KELANTAN

Kota Bharu - bertempat di Dewan Badminton Tengku Anis, Pengkalan Chepa, Kejohanan Badminton Piala Kurniaan KDYMM Al-Sultan Kelantan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan telah diadakan pada 7 - 10 September 2006. PKINK bersama-sama dengan lain-lain agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Swasta telah menyertai kejohanan tersebut.

PKINK kalah pada pasukan Kerabat di pusingan sukuakhir 3-0, yang mana sebelum itu Pasukan PKINK muncul johan kumpulan. Pada pusingan kedua PKINK mengalahkan PDRM Kelantan 3-1 dan pada pusingan ketiga mengalahkan pasukan Pejabat Sultan 3-2



Merafak Sembah cenderahati pasukan PKINK oleh Ketua Eksekutif PKINK kepada KDYMM Al-Sultan Kelantan

PERSARAAN ANGGOTA PKINK



Hj. Hanafi menerima saguhati dari Ketua Eksekutif semasa majlis meraikan persaraan beliau

Setelah berkhidmat dengan Perbadanan selama 34 tahun 1 bulan 7 hari, Tuan Haji Mohd Hanafi Ibrahim terpaksa meninggalkan PKINK apabila telah bersara wajib pada 7.8.2006.

Bermula sebagai Pegawai Kerani di Bahagian Kewangan PKINK pada 1.7.1972. Setelah berkhidmat selama 11 tahun, iaitu pada 1.1.1983 beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Kerani Kanan. Pada 15.9.1983 beliau telah dipinjamkan ke Syarikat Majubangan PKINK selama 2 tahun sebagai Pegawai Tadbir. Selepas tamat tempuh pinjaman, beliau kembali bertugas di Perbadanan mulai 1.7.1985.

Pada 1.8.1995 beliau telah dipinjamkan ke Kelbina Holding Bhd selama 2 tahun sebagai Pegawai Tadbir. Walaubagaimanapun, perkhidmatan beliau disambung lagi sehingga 1.8.2000.

Sepanjang tempuh perkhidmatannya dengan Perbadanan, beliau pernah dianugerah Khidmat Cemerlang dalam kategori Perkhidmatan Cemerlang Sesi 1987 dan juga Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang Kumpulan C dari segi Prestasi Kerja Sesi 1989/90

AL - FATIAH

Tiap yang bermula akan berakhir, bila sudah sampai masa dan ketika kita akan pergi menghadap Allah, hanya amal dan doa yang akan mengiringi... Beberapa anggota PKINK telah kehilangan orang tersayang, sama-samalah kita berdoa agar roh mereka ditempatkan bersama-sama orang yang mendapat Rahmat Allah SWT, Al-Fatihah.....

Tanggal 30 Januari 2006 kira-kira jam 8.30 malam ibu kepada En. Mohd Zali b. Mat, Jah bt. Ahmad telah kembali kerahmatullah di rumah kediamannya di Kg. Pauh, Badang. Beliau meninggal akibat sakit tua dalam usia 76 tahun. Beliau meninggalkan 5 orang anak, 3 lelaki dan 2 perempuan, Mohd Zali merupakan anak yang ketiga. Jenazahnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kg. Pauh.

Selepas Maghrib pada 21 Ogos 2006, Ayah kepada Tuan Mohd Faizal, Tuan

Sulaiman b. Tuan Mat telah kembali kerahmatullah dalam usia 75 tahun akibat sakit tua. Beliau meninggal dunia di rumah kediamannya di Kampung Panjang Banggu dan jenazahnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kg. Banggu. Beliau telah meninggalkan seorang isteri puan Hajjah Aizan Hj. Yusoff dan 5 orang anak, 2 lelaki dan 3 perempuan. Tuan Mohd Faizal adalah merupakan anak yang ketiga.

PROGRAM NAIK TANGGA DITERUSKAN



Puasa tidak menghalang anggota PKINK meneruskan program menaiki tangga hingga tingkat 11 pada tiap-tiap hari Ahad.

ANGGOTA PKINK MENDUDUKI PTK GRED 17

Seramai 28 anggota PKINK Gred 17 telah menduduki Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK) pada 18 September 2006 di INTEKMA Resort & Convendion Shah Alam.

Rombongan bertolak dengan bas pada pagi 17 September 2006 ke Shah Alam dan penginap di Goldcourse Hotel, Bandar Diraja Klang. Selepas tamat peperiksaan anggota berlepas pulang ke Kota Bharu.

Anggota-anggota yang menduduki peperiksaan adalah dalam berbagai peringkat tahad kecekapan seperti:

- 1. Pemb. Tadbir (P/O) N17 - TK2 = 3 orang
- 2. Pemb. Tadbir (P/O) N17 - TK1 =13 orang
- 3. Pemb. Tadbir (Su) N17 - TK2 = 1 orang
- 4. Pemb. Tadbir (Su) N17 - TK1 = 4 orang
- 5. Juruteknik J17 - TK2 = 1 orang
- 6. Juruteknik J17 - TK1 = 5 orang
- 7. Penjaga Jentera Elektrik R22 - TK3 = 1 orang



Antara rombongan yang berangkat untuk menduduki PTK di Shah Alam

Bertani di Syurga

Pada suatu hari Rasulullah SAW berbicara dengan seorang lelaki dari desa. Rasulullah SAW menceritakan bahawa ada seorang lelaki penghuni syurga meminta kepada Allah s.w.t untuk bercocok tanam, kemudian Allah s.w.t bertanya kepadanya bukankah Allah telah berikan semua perkara yang dia perlukan? Lelaki itu mengakui, tetapi dia suka bercocok tanam. Lalu dia menabur biji benih. Tanaman itu langsung tumbuh. Kesemuanya sama. Setelah itu, dia menuainya. Hasilnya dapat setinggi gunung. Allah berfirman kepadanya, "Wahai anak Adam, ia tidak mengenyangkan perut kamu".

"Demi Allah, orang itu adalah orang Quraisy atau pun Anshar kerana mereka dari golongan petani. Kami bukan dari golongan petani", kata orang Badwi itu. Rasulullah SAW tertawa mendengar kata-kata orang Badwi itu.

KEMPEN DERMA DARAH

Sempenan program Karnival Jualan di KB Bazaar, Hospital Pakar Perdana Kota Bharu, dengan kerjasama beberapa Syarikat Insuran telah mengadakan

kempen derma darah dan pemilikan insuran perubatan pada 8 Julai 2006 bertempat di Aras Bawah, KB Bazaar, Jalan Hamzah, Kota Bharu.



Orang ramai yang mengunjungi pameran tersebut

Seramai hampir 300 orang telah hadir bagi mengikut program yang telah disediakan seperti pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan percuma dan juga bertemu serta mendengar penerangan dari syarikat-syarikat insuran mengenai peluang-peluang kerjaya dalam industri insuran, dan bagaimana pihak insuran membayar bil rawatan.

Hospital Pakar Perdana telah menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma dalam;

- ⌞ Analisa lemak dalam badan
- ⌞ Tekanan darah
- ⌞ Pemeriksaan glukos bagi yang berumur 35 tahun ke atas.
- ⌞ Kiraan indek jisim badan.

Pihak insuran yang datang memberi taklimat pada hari tersebut ialah MCIS Zurich Insurance, MAA Insurance, Great Eastern, Prudential dan American International Insurance. Seramai 61 orang pengunjung telah menderma darah yang telah dilakukan oleh Bahagian Tabung Darah, Hospital Raja Perempuan Zainab 2, Kota Bharu.

PERTANDINGAN MEWARNA

Program sempenan jualan di KB Bazaar diteruskan lagi dengan pertandingan mewarna anjuran Nestle Products Sdn Bhd dengan kerjasama PKINK. Pertandingan melukis ini telah diadakan pada 17 Jun 2006 di Aras Bawah, KB Bazaar. Pihak penganjur telah menetapkan 3 kategori iaitu kategori A darjah 1 - 3, kategori B 6 tahun ke bawah dan kategori C darjah 4 hingga 6.

Ketogeri A dimenangi oleh adik Nur Izzah bt Azhan (SKPC), kategori B dimenangi oleh adik Quek Yao Chih (SK Peir Chih) dan pemenang kategori C ialah adik Amal Azraai b. Che Azuha (SKPC). Hadiah disediakan untuk tempat pertama hingga ketiga dan 10 hadiah saguhati tiap kategori. Hadiah ialah berupa hamper sumbangan Nestle Products Sdn Bhd.



adik-adik yang menyertai pertandingan mewarna

KONTRAK PEMASARAN ROSELLE ANTARA MMSB, FAMA DAN PETANI

Kota Bharu, 23 Julai 2006 bertempat di Hotel Reanaissant satu Majlis Menandatangani Kontrak Pemasaran Roselle antara Murni Marketing Sdn. Bhd., FAMA dan petani serta kursus perjimatan kos pemasaran melalui penyediaan baja organik telah diadakan.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disaksikan bersama YB Dato' Abdul Rahim Bakri Pengerusi FAMA, YB Dr. Hj. Nik Mazian Nik Mohamed Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Desa Negeri Kelantan, Hj. Wan Yahya Wan Salleh Ketua Eksekutif PKINK, Haji Hanifa Ahmad Pengerusi MMSB, Ybrs. Puan Mariam Lebam Pengarah Kanan Ibu Pejabat FAMA dan Ybrs. En. Basri Jasmo Pengarah FAMA Negeri Kelantan.

Perjanjian tersebut melibatkan FAMA sebagai agen pemasaran bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Jajahan Bachok dan Pasir Puteh membeli hasil tanaman Roselle dari petani-petani dan menjual kepada Murni marketing Sdn Bhd sebagai pengilang.

Perjanjian ini memerlukan bekalan sebanyak 10 tan matrik Roselle sebulan dari FAMA kepada MMSB. Bekalan ini berbentuk Bunga Roselle tanpa biji dan tanpa cuci dengan harga RM2.60/kg. Perjanjian ini bermula pada 1 Ogos 2006 untuk tempuh setahun.

Selepas majlis menandatangani perjanjian tersebut, para jemputan berpeluang melawat dan menikmati berbagai produk makanan dan minuman yang dihasilkan dari Roselle.

Selepas jamuan makan tengahari, seminar mengenai penjimatan kos pemasaran melalui penyediaan baja organik telah diadakan oleh FAMA dan Jabatan Pertanian Negeri kepada petani-petani Roselle.



YB Dr. Hj. Nik Mazian dan YB Dato' Ab. Rahim Bakri di gerai MMSB



Para jemputan VIP dan petani-petani di majlis perjanjian pemasaran Roselle antara MMSB, FAMA dan petani

PROGRAM ICT MENERIMA TETAMU DARI MAMPU

Julung-julung kali Perbadanan mengalu-alukan kedatangan wakil dari MAMPU untuk turut serta menyumbangkan tenaga dalam menjayakan satu program ICT di Perbadanan pada 29 Ogos 2006 yang lalu.

Anggota Perbadanan telah didedahkan dengan satu taklimat khusus berhubung dengan penggunaan internet, emel dan sekuriti. Program tersebut adalah diantara usaha untuk mempergiatkan



Puan Marsineh Jasmin menyampaikan taklimat

lagi penghayatan ICT disamping meningkatkan pengetahuan anggota di Perbadanan berkaitan dengan ICT khususnya dari segi menjaga keselamatan maklumat.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Marsineh Jarmin dari Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang kini merupakan Timbalan Pengarah Bahagian Keselamatan ICT, MAMPU. Beliau mempunyai pengalaman yang luas sejak 1979 serta pernah berkhidmat di Pejabat Perdana Menteri sebelum ini.

Taklimat tersebut rata-rata telah berjaya membuka sedikit sebanyak minda para hadirin berhubung dengan pentingnya menjaga keselamatan dalam ICT disamping mengamalkan etika-etika kerja yang sihat dalam penggunaan ICT dalam melaksanakan kerja-kerja harian.

Akan menjadi satu kejutan sekiranya tanpa disedari ada maklumat sulit yang telah berjaya diambil melalui maya tanpa

kita sedari. Malahan komputer serta penyimpanan sedia ada tidak terjejas langsung! Beberapa tip asas yang boleh diamalkan telah dibekalkan untuk panduan;

- * Rahsiakan serta gunakan kata laluan yang kukuh
- * Salin maklumat penting dan simpan ditempat selamat
- * Gunakan perisian anti-virus yang sah
- * *Encrypt* maklumat terperingkat
- * Berwaspada apabila memuat turun program atau file dari internet
- * Jangan buka emel dari penghantar yang tidak dikenali
- * Jangan biarkan komputer berada atas talian jika tidak digunakan
- * *Log off* komputer anda sebelum keluar pejabat

Majlis tersebut telah dhadiri oleh anggota ibu pejabat serta wakil dari syarikat-syarikat anak dalam kumpulan PKINK. Dengan kehadiran yang memberangsangkan adalah diharapkan program seumpamanya dapat dijayakan lagi pada masa-masa hadapan..

PERHIMPUNAN DI AMBANG RAMADHAN

Adalah menjadi sunnah Nabi S.A.W menganjurkan perhimpunan di ambang Ramadan. Di zaman dahulu, Rasulullah s.a.w. berkhotbah tentang bulan keberkatan di perhimpunan yang dianjurkan. Maka pada 28 Syaaban 1427 (21 September 2006), Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Biro Kebajikan & Dakwah KSK PKINK telah mengadakan majlis ceramah menyambut Ramadan di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ust. Suhaimi Muhamad dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Antara isi ceramah beliau adalah :-

1. Puasa itu sendiri melatih umat Islam membina sifat takwa dalam diri.
2. Umat Islam kini banyak dipengaruhi hiburan dan keliru dengan "style" serta nyanyian para artis.
3. Ramai orang Islam sujud kepada Allah. Dahi sujud tetapi hati tidak sujud.
4. Orang bertakwa kena beramal dengan Islam dalam semua bab – bab hukum (syariah), ibadah, muamalah, tarbiyyah, dan semua segi kehidupan dunia mahupun akhirat.

5. Para isteri yang sibuk hendak beribadah di bulan puasa akan mendapat pahala seperti pahala Siti Mariam, emak Nabi Isa.
6. Adalah menjadi satu amalan yang baik jikalau sebelum bersahur, kita sembahyang sunat dua rakaat.
7. Bulan puasa adalah bulan kesabaran dan penuh simpati kepada orang. Umpamanya suami simpati kepada isteri lalu menolongnya membuat kerja di dapur mahupun di luar rumah.



Ustaz Suhaimi Muhamad

Disebutkan bahawa Nabi Adam A.S telah berkata, "Sesungguhnya Allah S.W.T telah memberikan kepada umat Muhammad S.A.W empat kemuliaan yang tidak diberikan kepadaku:

- 2 Taubatku hanya diterima di kota Mekah, sementara taubat umat Nabi Muhammad S.A.W diterima di sebarang tempat oleh Allah S.W.T.
- 2 Pada mulanya aku berpakaian, tetapi apabila aku berbuat derhaka kepada Allah S.W.T, maka Allah S.W.T telah menjadikan aku telanjang. Umat Muhammad S.A.W membuat derhaka dengan telanjang, tetapi Allah S.W.T memberi mereka pakaian.
- 2 Ketika aku telah berderhaka kepada Allah S.W.T, maka Allah S.W.T telah memisahkan aku dengan isteriku. Tetapi umat Muhammad S.A.W berbuat derhaka, Allah S.W.T tidak memisahkan isteri mereka.
- 2 Memang benar aku telah derhaka kepada Allah S.W.T dalam syurga dan aku dikeluarkan dari syurga, tetapi umat Muhammad S.A.W durhaka kepada Allah akan dimasukkan ke dalam syurga apabila mereka bertaubat kepada Allah S.W.T.

KEJOHANAN KEROM PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2006

Kota Bharu - 7 dan 8 Julai 2006 bertempat di Aras 3 KB Bazaar, Jalan Hamzah sempena Program Karnival Jualan di KB Bazaar, PKINK dengan kerjasama KSK PKINK telah menganjurkan Kejohanan Kerom Piala Ketua Eksekutif PKINK 2006. Kejohanan yang diadakan dalam acara perseorangan dan acara beregu itu mendapat sambutan yang menggalakkan dari penggemar kerom di sekitar Kota Bharu dan lain-lain daerah di Kelantan.

Dalam acara perseorangan yang diadakan pada 7 Julai menyaksikan seramai 76 peserta telah bermain secara liga kumpulan yang dibahagikan 16 kumpulan. Manakala dalam pusingan kedua dan seterusnya diadakan secara kalah mati. Dalam Acara perseorangan Johan dimenangi oleh En. Azman dari

KWSP Kota Bharu dan naib johan dimenangi oleh En Wan Azizan dari PKINK.

Acara beregu telah diadakan pada 8 Julai dengan penyertaan seramai 34 beregu yang diadakan secara liga kumpulan di mana johan dan naib johan kumpulan akan bermain secara kalah mati di pusingan seterusnya. Beregu PKINK Wan azizan dan Che Aman muncul johan setelah mengalahkan beregu dari Bank Pertanian Kota Bharu di perlawanan akhir.

Hadiah-hadiah yang disediakan berupaya wang tunai bernilai RM300 untuk johan perseorangan dan RM500 untuk johan beregu

disamping piala iringan. Hadiah disediakan sehingga tempat keempat dalam setiap acara dan hamper untuk peserta yang layak ke pusingan suku akhir. Jumlah hadiah keseluruhan yang disediakan bernilai RM2,580.00 Setiap peserta dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM20 bagi acara perseorangan dan RM30 bagi acara beregu.



Antara peserta yang bertanding dalam acara perseorangan

KEJOHANAN GOLF PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2006 MENAWARKAN HADIAH BERJUMLAH RM10,000

Kelantan Golf & Country Club, Pengkalan Chepa, satu Kejohanan Golf Piala Ketua Eksekutif PKINK 2006 telah diadakan pada 26 Ogos 2006.

Kejohanan Anjuran Perbadanan kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bersama Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. ini menawarkan hadiah berjumlah RM10,320.00 dalam berbagai kategori seperti Overall Winner 3 hadiah, Acara Gross 10 hadiah, Acara Nett 20 hadiah dan Novalties 2 hadiah disamping menyediakan hadiah Hole-in-one berupa sebuah rumah teres 1 tkt. Taman kurnia Jaya bernilai RM93,000

Kejohanan ini disertai oleh seramai 140 peserta, di mana setiap peserta dikenakan yuran sebanyak RM150 untuk ahli KGCC dan RM200 untuk bukan ahli KGCC. Setiap peserta diberi satu goodies disamping makan pagi dan tengahari disediakan.

Walaupun bagaimanapun diakhir kejohanan, hadiah hole-in-one tidak dimenangi oleh mana-mana peserta. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh Ketua Eksekutif PKINK juga selaku Presiden KGCC telah menyempurnakan penyampaian hadiah kepada peserta-peserta yang berjaya.



Tuan Haji Wan Yahya membuat putting


KEJOHANAN TENIS NOVIS BERPASUKAN PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2006

Kota Bharu, 25 - 26 Ogos 2006 PKINK telah menganjurkan kejohanan tenis novis berpasukan Piala Ketua Eksekutif PKINK 2006 bertempat di gelanggang tenis MPKB, Polis, HUSM dan MSSK. Acara yang dipertandingkan ialah 2 regu terbuka dan 1 regu 45 tahun ke atas.

Kejohanan yang berlangsung 2 hari ini terbuka kepada semua kelab tenis di Kelantan dan jempunan khas. Pemain-pemain yang pernah mewakili Negeri (2004-2006), pemain yang pernah menjuarai acara individu dalam mana-mana pertandingan anjuran PTK (2004-2006) dan pemain yang pernah menjadi johan dalam kejohanan tenis novis (2004-2006) adalah tidak layak menyertai pertandingan tersebut.

19 pasukan telah menyertai kejohanan tersebut yang menawarkan hadiah berjumlah RM4,020. Perlawanan adalah secara liga kumpulan dan kalah mati pada pusingan seterusnya. Yuran penyertaan dikenakan sebanyak RM200 satu pasukan.

Pada perlawanan akhir Pasukan PKINK 'A' mengalahkan KADA 2-1 dan seterusnya menjadi juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 disamping medal dan Piala Pusingan.



Ketua Eksekutif PKINK menyampaikan hadiah dan Piala Pusingan kepada pemenang



sambungan dari m. surat 1

MB rasmi Majlis Pelancaran Jualan Projek Perumahan Taman Kurnia Jaya Fasa 4B

di mana setiap taman perumahan akan merangkumi masjid, dan rumah yang dibina mengandungi sekurangnyanya 3 bilik tidur.


Projek perumahan Taman Kurnia Jaya ini dimajukan oleh Profil Impian Sdn Bhd (PISB) iaitu anak syarikat PKINK yang ditubuhkan pada 9 Julai 1994, yang berfungsi untuk memajukan tanah milik PKINK. Bermula 1994 PISB memulakan projek pertamanya di Mukim Kemumin dengan membina 352 unit rumah kluster 1 tingkat bagi fasa 1, dan disusuli dengan fasa 2 yang merangkumi 156 unit rumah kluster 1 tingkat kos sederhana.

Pada tahun 1998, PISB meneruskan pemajuan fasa 3 dengan pembinaan 128 unit rumah berkembar 2 tingkat. Pada September 2004 projek fasa 4A yang terdiri dari 73 unit rumah teres 1 tingkat, 32 unit rumah teres 2 tingkat, 18 unit rumah berkembar 2 tingkat dan 4 unit rumah banglo 2 tingkat di laksanakan.

Pemajuan fasa 4B yang terdiri dari 102 unit rumah teres 1 tingkat telah dimulakan pada Julai 2006 dengan harga jualan dari RM93,000 seunit dengan nilai jualan berjumlah RM9.719 juta.

PISB dijangka akan memajukan baki tanah yang ada seluas 20 ekar di Taman Kurnia Jaya ini dalam tempoh terdekat di samping akan terus giat mengenalpasti tanah-tanah lain bagi pembangunan pada masa akan datang.

KEMUDAHAN BERDEKATAN



Taman Kurnia Jaya [Fasa 4B]

PADANG GOLF, PENGKALAN CHEPA

102 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT

SEBAB UTAMA PEMBELIAN MELALUI KAMI:

- Anak Syarikat PKINK (Semua Urusan dijamin)
- Pemaju berwibawa
- Harga Jualan Bersih
- Tempahan: 1% daripada harga jualan
- Urus selesai Pinjaman Perumahan (Kerajaan/Institusi Kewangan)
- Urus Selesai Pengeluaran KWSP
- PERCUMA - Kos Guaman
- PERCUMA - Bayaran Pindah Milik & Gadaian



YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat melancarkan jualan